

Kod etika tidak perlu: Tajol

BH 23 FEB 2000

IPOH: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berpendapat tidak perlu diwujudkan kod etika kempen dalam pemilihan parti pada 11 Mei ini.

Katanya, tindakan itu tidak perlu kerana Umno sudah mempunyai peraturan tertentu yang boleh dijadikan panduan oleh setiap ahli yang ingin bertanding sebarang jawatan dalam pemilihan parti.

"Memang parti kita sudah ada kod etika dan setiap yang ingin bertanding sepatutnya tahu kod etika itu.

"Kalau nak bertanding, tetapi masih tidak tahu kod etika memang ada 'silap' pada calon berkenaan.

"Yang perlu dibuat ialah ketegasan bagi memastikan kempen berkenaan nanti tidak terlalu hebat," katanya ketika ditemui selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Perak, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden DPMM Perak, Datuk Mohamed Hamdan Hazizi dan timbalannya, Muhammad Muhiyuddin Abdullah.

Tajol Rosli berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan pelbagai pihak dalam Umno supaya diwujudkan kod etika

kempen bagi membendung politik wang dalam pemilihan parti Mei ini.

Butir draf kod etika itu yang bertujuan memastikan pertandingan dijalankan dalam suasana bersih dijangka dibentangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal bulan depan.

Menurut Tajol Rosli, pihak yang terbabit mengawasi perjalanan kempen dan pertandingan perlu tegas dalam memastikan kempen dijalankan secara sihat agar parti tidak menghadapi pelbagai masalah seperti politik wang.

Beliau juga menegaskan apa yang lebih penting dalam pemilihan nanti ialah pertandingan diadakan dalam semangat kekeluargaan yang mana mengelak perpecahan selepas itu.

Beliau juga turut mengakui pemilihan parti agak hebat kali ini kerana ia membabitkan pertandingan pelbagai jawatan dari Naib Presiden ke bawah.

Selain itu, Tajol Rosli yang juga Menteri Besar turut meminta Umno bahagian supaya merayu cawangan masing-masing agar tidak mencalonkan orang lain untuk mencabar Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Naib Presiden yang dijangka mengambil alih kerusi Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.